## BORANG MAKLUMBALAS TINDAKAN PERKARA BERBANGKIT

### MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU (JKPPPI) JKR MALAYSIA BIL. 1/2021

| BIL. | PERKARA BERBANGKIT | TINDAKAN | MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **UCAPAN PENGERUSI** | | |
| 1.7 | Tuan Pengerusi menyarankan agar Knowledge Manager dan Ahli Ganti yang berminat untuk menyertai Kursus Certified Knowledge Manager pada tahun hadapan untuk berhubung terus dengan Unit ECKM selaku sekretariat program. | Knowledge Manager | Sehingga kini, sebanyak **4 maklumbalas** yang telah diterima daripada Knowledge Manager yang berminat untuk menyertai bagi Kursus Certified Knowledge Manager yang akan datang iaitu :<br>1. JKR KESEDAR;<br>2. Cawangan Kejuruteraan Mekanikal;<br>3. JKR Terengganu; dan<br>4. Pasukan Projek Khas |
| **4.0** | **PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI ECKM 2021 (9 Disember 2020 SEHINGGA 30 MAC 2021)** | | |
| 4.3 | Tuan Pengerusi mencadangkan agar program Wacana Teknikal Bersama Pakar Bidang Khusus dan Pakar Rujuk Jabatan 2021 yang akan diadakan bermula pada bulan April ini diwar-warkan kepada warga Jabatan bagi tujuan promosi. | Unit ECKM | Hebahan pelaksanaan program ini telah diwar-warkan secara berkala melaui medium elektronik seperti emel, Twitter dan aplikasi Whatsapps bagi tujuan promosi untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan dari warga Jabatan.<br><br>Satu laman Program Wacana Teknikal Bersama Pakar Bidang Khusus dan Pakar Rujuk Jabatan 2021 telah dicipta di Portal JPedia yang mengandungi slaid pembentangan dan video rakaman setiap sesi yang telah diadakan. |

**BORANG MAKLUMBALAS TINDAKAN PERKARA BERBANGKIT**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU (JKPPPI) JKR MALAYSIA BIL. 1/2021**

| BIL. | PERKARA BERBANGKIT | TINDAKAN | MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|
| **5.0** | **PEMBENTANGAN CADANGAN PENGANJURAN PROGRAM PERSADA MINDA @ JKR 2021** | | |
| 5.3 | En. Ahmad Fariz Bin Sapian, Knowledge Manager dari JKR Perak mencadangkan agar pelaksanaan program Persada Minda ini tidak diadakan terlalu teknikal di samping mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama professional di dalam bidang berlainan seperti bidang perubatan, perundangan dan lain-lain agar dapat membuka minda dan pengetahuan kita dari segi kemahiran generik yang berbeza. | Unit ECKM | Perkara ini telah diambil maklum oleh Jawatankuasa Kerja Program Persada Minda @ JKR 2021 bagi memastikan pengisian program bermanfaat dan dapat menarik minat warga Jabatan untuk turut serta sepanjang program dilaksanakan. |
| 5.6 | Tuan Pengerusi turut mencadangkan agar pihak urusetia dan Jawatankuasa Program Persada Minda untuk melihat dan memurnikan semula slogan yang akan digunakan agar ianya bertepatan dengan cadangan tema Persada Minda iaitu melibatkan teknologi dan norma baru. | Unit ECKM | Satu sesi undian telah diadakan di kalangan Jawatankuasa Kerja Program Persada Minda dalam memilih beberapa slogan yang telah dicadangkan seperti berikut :<br><br>5. Revolusi Teknologi "Kenali Wadah, Mulakan Langkah"<br>6. Ada Apa Dengan Teknologi 4.0<br>7. Ada Apa Dengan Teknologi 4.0 "Kenali Wadah, Mulakan Langkah"<br>8. Seiring Senada Teknologi Masa Kini<br>9. Sentuhan Teknologi Dalam Norma Baharu<br>10. Pengaruh digitalisasi dalam pembentukan norma baharu kehidupan<br>11. Revolusi Teknologi 4.0 Dalam Norma Baharu<br>12. Cabaran IR 4.0 Dalam Norma Baharu<br>13. Inovasi Digital dalam Pembudayaan Norma Baharu<br>14. Norma Baharu: Ruang Tercipta, Peluang Berganda<br><br>Hasil undian, slogan Persada Minda @ JKR 2021 yang telah dipersetujui adalah **“Revolusi Teknologi 4.0 Dalam Norma Baharu”** |